



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/6/2011



NAJIB bersama plak 'myplan' pada majlis pelancaran jenama plan pembangunan lima tahun di Putrajaya, semalam.

Myplan bantu rakyat faham inti pati RMKe-10

PUTRAJAYA: Pelancaran 'myplan-Rancangan Malaysia Ke-10 Anda', bertujuan menampilkan pendekatan mudah untuk membantu rakyat memahami inti pati plan pembangunan lima tahun yang akan berakhir pada 2015 itu dengan lebih mudah, kata Datuk Seri Najib Razak-

Perdana Menteri menjelaskan, myplan dijangka dapat menterjemahkan dokumen rasmi kerajaan itu menggunakan kaedah atau bahasa lebih mudah supaya rakyat benar-benar memahami serta menghayati kandungannya selain dapat memfaatkannya berdasarkan keperluan masing-masing.

"Itulah selalunya yang ditanya setiap individu dan mungkin dengan cara seperti ini, mereka akan dapat lihat perspektif apakah faedah secara langsung dan tidak langsung yang boleh diterima serta diperolehi rakyat.

"Dokumen ini dalam bentuk pembentangannya bukan saja tebal isinya, malah mungkin agak sukar dan tidak begitu senang untuk dibaca oleh rakyat kalau mahu difahami dari mula sampai akhir.

"Malah, mesej kita ini mungkin tidak dapat diterapkan kepada rakyat dan mungkin rakyat terkeliru atau ada terjemahan yang berbeza antara satu sama lain," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran jenama plan pembangunan lima tahun, myplan, di sini semalam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap EPU, Tan Sri Nor Mohamed Yacop. Unit terbabit bertanggungjawab menghasilkan myplan, yang dihasilkan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata jika pendekatan seumpama itu tidak dilak-

kukan, mesej kerajaan kepada rakyat mengenai kandungan, maksud dan tujuan RMKe-10 mungkin tidak dapat disampaikan dengan jelas.

Katanya, myplan adalah pendekatan baru yang belum pernah dilakukan dalam mewujudkan kesedaran dan mendidik rakyat mengenai manfaat langsung serta tidak langsung yang boleh dikecapi menerusi plan pembangunan lima tahun itu.

"Biasanya, habis saja pembentangan dokumen rasmi setiap rancangan Malaysia, tiada tindakan susulan dibuat seperti dilakukan kali ini.

"Justeru, myplan ini adalah satu jenama yang paling sesuai dalam era digital kini di mana wujud pelbagai pendekatan bagi menyebarkan luas menggunakan media elektronik, media cetak, laman web myplan serta papan iklan.

"Saya harap myplan ini dapat menjawab soalan 'ada apa untuk saya?' yang lazimnya ditanya orang ramai setiap kali beliau turun padang," katanya.

Najib berkata, rancangan lima tahun yang beliau bentangkan genap setahun lalu itu mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Model Ekonomi Baru (MEB) yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan.

Katanya, ketika pembentangan sebelum ini, beliau sudah menegaskan bahawa RMKe-10 mengandungi segala butiran dalam bentuk program, projek, bajet dan strategi mikro serta makro bagi mencapai hasrat mentransformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Sehubungan itu, kata Najib, apa yang penting kini adalah bagi mendapatkan sokongan dan dokongan rakyat secara menyeluruh ke arah penerimaan sepenuhnya RMKe-10.